



**PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA**  
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Kontraktor, pemandu lori ditipu  
Publication/Portal: Kosmo  
Date: 15 November 2018

Language: Malay  
Section: Negara  
Page: 19

## Dua mangsa rugi RM5,500 diperdaya penjual kereta serta tiga lelaki menyamar polis

# Kontraktor, pemandu lori ditipu

Oleh SHAHRULANOOR ISHAK

**KUANTAN** – Dua lagi kes penipuan dilaporkan di negeri ini kelmarin melibatkan seorang kontraktor serta pemandu lori yang masing-masing mengalami kerugian RM3,500 dan RM2,000 selepas diperdaya.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang, Superintendan Mohd. Wazir Mohd. Yusuf

berkata, dalam kes pertama, kontraktor lelaki berusia 30 tahun itu diperdaya melalui urusan jual beli kenderaan.

Menurutnya, mangsa yang bekerja di Kuantan telah melayari laman web *mudah.my* dan berurusan dengan seorang lelaki selepas berminat membeli kereta Perodua Kancil yang ditawarkan pada harga RM5,000.

“Selepas bersetuju un-

tuk membeli, mangsa melakukan transaksi memasukkan RM3,500 ke dalam akaun milik seorang lelaki namun tidak mahu meneruskan pembelian itu selepas diminta untuk membuat bayaran penuh terlebih dulu.

“Mangsa mendakwa



MOHD. WAZIR

suspek juga enggan memulangkan wang miliknya sebelum bertindak menyekat semua panggilannya,” katanya kepada pemberita semalam.

Dalam kes penipuan Macau Scam, Mohd. Wazir memberitahu, seorang pemandu lori berusia 31

tahun dari Kuala Krau, Temerloh rugi RM2,000 selepas diperdaya tiga lelaki yang mengaku polis.

“Seorang lelaki menyamar polis dari Cawangan Trafik Johor Bahru telah menghubungi dan memaklumkan mangsa terlibat kes kemalangan jalan raya melibatkan kanak-kanak berusia 15 tahun.

“Taliannya kemudian disambungkan kepada dua lagi rakan suspek

yang turut menyamar polis dan memaklumkan mangsa disyaki terlibat kes pengubahan wang haram sebanyak RM2.8 juta,” ujarnya.

Menurut Mohd. Wazir, suspek meminta RM5,000 sebagai ikat jamin, namun mangsa hanya memasukkan RM2,000 melalui pemindahan akaun sebelum berasa tertipu dan kemudiannya membuat laporan polis.